

### Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat ini,

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada alergi terhadap ubat tertentu.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain.
- Beritahu doktor anda jika anda menghidapi atau pernah menghidapi penyakit hati atau buah pinggang.
- Beritahu doktor anda jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil, atau sedang menyusu badan kepada anak anda.

### Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat ini di dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.



## Risalah Maklumat Untuk Pesakit



# Penghalang Pam Proton

## Proton - Pump Inhibitors

Esomeprazole • Lansoprazole • Omeprazole  
Pantoprazole • Rabeprazole

**MENGENAI** ubat anda

Ubat ini mengurangkan kandungan asid yang dihasilkan dalam perut. Ubat ini digunakan untuk merawat ulser duodenal dan perut serta penyakit refluks gastroesofagus, satu keadaan di mana asid dalam perut mengalir balik ke dalam esofagus dan menyebabkan iritasi serta perasaan hangat. Keadaan ini juga dikenali sebagai kepedihan hulu hati.

**BAGAIMANA** cara saya mengambil ubat ini?

Ubat oral bertindak panjang ini biasanya diambil satu kali sehari, sebelum makan. Ikut arahan pada label preskripsi anda dengan berhati-hati, dan tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk keterangan lebih jelas jika ada bahagian yang kurang faham.

Terus mengambil ubat walaupun anda sudah rasa sembuh. Jangan henti mengambil ubat ini tanpa berbincang dengan doctor anda.

Telan kapsul ini dengan seluruhnya. Jangan buka, kunyah atau hancurkan kapsul.

**Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA** makan satu dos?

Jika anda lupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan serta-merta sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, terus biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu ambil ubat. Jangan gantikan dos demi untuk mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

**Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN** pengambilan ubat ini?

Walaupun kesan-kesan sampingan adalah jarang, ini masih boleh berlaku. Kesan-kesan sampingan ini akan hilang semasa rawatan apabila badan anda telah menyesuaikan diri dengan ubat ini. Bagaimanapun, periksa dengan doktor anda jika salah satu daripada kesan-kesan sampingan ini berlarutan atau mengganggu.

Ubat	Kesan-kesan sampingan
Esomeprazole	Sakit kepala
Lansoprazole	Cirit-birit
Omeprazole	Sakit perut
Pantoprazole	Muntah
Rabeprazole	Angin perut

Sila minta nasihat doktor jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan yang luar biasa semasa ambil ubat anda.

Hentikan mengambil ubat ini dan hubungi doktor anda dengan serta-merta jika tanda-tanda berikutnya berlaku:

- Ruam atau gatal pada kulit
- Gatal
- Susah bernafas atau menelan
- Kekuningan pada kulit dan mata

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak